

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkaitan cadangan menurap semula Jalan Bawong ke Pos Piah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan menurap semula Jalan Bawong ke Pos Piah tiada dalam senarai pelaksanaan Kementerian ini.
2. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) supaya permohonan Jalan Luar Bandar berkenaan disenaraikan dalam senarai keutamaan pembangunan Kerajaan Negeri.
3. Senarai berkenaan akan turut diteliti oleh Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi penentuan skop dan kos yang bersesuaian.
4. Seterusnya, pihak UPEN akan memperakukan dan mengemukakan senarai berkenaan kepada Kementerian ini untuk diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi kelulusan di bawah Rancangan Malaysia.